# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## KHAMIS 16 MAC 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3. | SUMBER MAKANAN IMPORT MASIH DIPERLUKAN, NASIONAL, SH -9<br>KONTRAK IMPORT BERAS TIDAK BOLEH DIBATAL SECARA UNILATERAL - CHAN, SARAWAK VOICE -ONLINE<br>EGG SUBSIDIES FOR FIRST HALF NOT INCLUDED IN BUDGET 2023, NATION, SIN CHEW DAILY -4 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 4. | DAFTAR LEMBU, KAMBING ELAK KENA LELONG, NEGARA, KOSMO -18 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 5.<br><br>6. | PELBAGAI STRATEGI PERKASA INDUSTRI IKAN MARIN, AIR TAWAR, NASIONAL, BH -9<br>KERAJAAN SASAR PENGELUARAN 150,000 TAN METRIK IKAN AIR TAWAR, NEGARA, KOSMO -5 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 7.<br><br>8.<br>9.<br>10.<br>11.<br>12. | KEMENTERIAN JAMIN BEKALAN SAYUR CUKUP SEMASA RAMADHAN, MALAYSIA KINI -ONLINE<br>MAFS BERI JAMINAN BEKALAN SAYUR DI JOHOR MENCUKUPI, NASIONAL, BH -14<br>RAMADHAN: BEKALAN SAYUR CUKUP, DALAM NEGERI, UM -29<br>'ENOUGH GREENS FOR JOHOR DESPITE RECENT FLOODS', NATION, THE STAR -6<br>BEKALAN SAYUR DI JOHOR CUKUP, LOKAL, HM -18<br>SAYUR DIJAMIN CUKUP BULAN RAMADHAN, NEGARA, KOSMO -16 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 13.<br>14.<br><br>15.<br>16.<br>17.<br>18. | TINJAU, KELANTAN KINI, HARAKAH -23<br>SUKAR BELI BENIH IKAN ANCAMAN PENTERNAK SANGKAR DI SUNGAI PERAK, DALAM NEGERI, UM -32<br>KA SIONG DAKWA TERIMA UGUTAN ISU IMPORT TELUR, NASIONAL, BH -7<br>NOT A SWEET YEAR 'HARUMANIS', NATION, THE STAR -3<br>WEE: 'DEEPAK' CALLED OVER ISSUING CLARIFICATION, NATION, THE STAR -6<br>MINISTRY TO HOLD TALKS ON RAHMAH INITIATIVE WITH BANKS, NATION, NST -5 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/3/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 9 |

# Sumber makanan import masih diperlukan

**KUALA LUMPUR** - Negara masih memerlukan sumber makanan yang diimport bagi memastikan keterjaminan makanan dalam negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata, perkara itu disebabkan antaranya terdapat komoditi makanan yang tidak dihasilkan secara domestik kerana faktor kesesuaian iklim, tidak ekonomik, kekurangan sumber dana dan tenaga kerja.

"Pada masa sama kementerian juga akan memperkukuh industri input pertanian domestik secara bersasar untuk mengurangkan kebergantungan kepada sumber import," katanya.

Beliau menjawab soalan **Mohd Syahir Che Sulaiman (PN-Bachok)** mengenai langkah kementerian untuk memastikan ketersediaan kapasiti bekalan makanan negara di Dewan Rakyat pada Rabu.

Foong Hin berkata, kementeriannya juga akan melihat untuk mempelbagaikan sumber import bagi mengurangkan pendedahan risiko terhadap sesuatu negara pembekal. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/3/2023 | SARAWAK VOICE | ONLINE | |

# Kontrak import beras tidak boleh dibatal secara unilateral – Chan



Chan Foong Hin. Sumber: BERNAMA

**KUALA LUMPUR**: Kerajaan tidak boleh membatalkan sebarang kontrak pengimportan beras ke negara ini secara unilateral, kerana perlu mengambil kira obligasi sosial yang dipersetujui dengan Padiberas Nasional Berhad (Bernas).

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin berkata sebagai pengimport utama beras negara, Bernas perlu melaksanakan 10 obligasi sosial yang dipertanggungjawabkan, tanpa menerima sebarang geran daripada kerajaan.

Obligasi itu antaranya ialah mengurus stok penimbal beras negara, mengekalkan peranan sebagai pembeli padi terakhir pada harga minima dan mengurus pembayaran subsidi harga padi serta skim pengilang, pemborong Bumiputera dan koperasi petani.

elain itu, Bernas juga harus memperuntukkan dana bagi pembekalan jentera dan mekanisasi padi, membangunkan sawah berskala besar dan menyediakan peruntukan bagi beberapa program termasuk pembangunan stok penimbal benih padi, bantuan tabung bencana tanaman padi dan sistem maklumat padi dan beras.

"Kos yang perlu ditanggung Bernas untuk menyambung pelaksanaan obligasi ini secara langsung atau tidak langsung ialah sebanyak RM3.22 bilion dan daripada jumlah tersebut, RM1.85 bilion melibatkan petani, manakala RM1.37 bilion kepada industri dan pengguna.

"Tambahan itu, Bernas sekarang turut memberikan sumbangan tunai RM60 juta dan berkongsi 30 peratus keuntungan bersih daripada import beras kepada pesawah pada tahun ini," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2023 peringkat jawatankuasa bagi kementerian itu di Dewan Rakyat, kelmarin.

Sebelum ini, beberapa pihak mempertikaikan pelanjutan tempoh konsesi Bernas sebagai pengimport tunggal beras di negara ini, namun kerajaan menegaskan ia suatu yang tepat bagi memastikan bekalan bahan makanan berkenaan, berada dalam keadaan stabil dan terkawal.

Sementara itu, peruntukan berjumlah RM3.7 bilion bagi kementerian itu dalam Belanjawan 2023, lulus di peringkat jawatankuasa melalui undian suara majoriti selepas dibahas 21 Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang. – BERNAMA

| Headline | Egg subsidies for first half not included in Budget 2023 | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 16 Mar 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 4 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 377 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 11,424 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 34,273 |






（吉隆坡15日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓缣证实，我国今年年初至6月30日提供的12亿8000万令吉鸡蛋补贴，并没有纳入在2023年财政预算案中。

“至于会否纳入到附加预算案或通过内部拨款节约方式，将会由财政部决定。”

## 从印度进口蛋没涉公款

他说，农粮部是于本月6日向财政部针对这项拨款提出申请。

针对伊斯兰党巴西沙叻区国会议员查马鲁丁询及，政府在批准从印度进口鸡蛋方面，是否有准备拨款，他说，答案是没有。

陈泓缣今日在国会下议院为农粮部财政预算案委员会阶段辩论总结时这么表示。

“部长已经通过媒体及在国会上解释，从印度进口鸡蛋完全是属于相关私人公司自行承担风险的商业决定，并没有涉及任何公款。”

他指出，政府只是批准了相关鸡蛋进口准证（AP）给该公司。

“我希望这个回答能够厘清这个课题，对于较早前提到的迪巴，此人与这个财政预算案并没有关系。”

亚依淡区国会议员拿督斯里魏家祥此前在辩论时说，有个自称名字是迪巴的人士昨晚致电他，对方宣称是（鸡蛋进口商）J&E Advance Tech私人有限公司代表，要他针对我国从印度进口鸡蛋课题发表声明，从而达成庭外和解，但是遭到他拒绝。

询及为何政府不废除给予国家稻米公司的垄断合约，他说，政府无法单方面取消前朝政府所签署的协议，但是可以通过谈判方式，达成更多利民的项目。

## 没禁鸡蛋出口<br>1月蛋产量有盈余

行动党金宝区国会议员张哲敏询及若我国禁止出口鸡蛋，会带来什么影响，陈泓缣表示，截至目前，政府并没有禁止鸡蛋出口，只是必须确保国内的供应是足够的。

他指出，其中1月的鸡蛋产量对于本地市场就出现供过于求。

他说，对于有业者还没有收到鸡蛋补贴的课题，可以联系各自州属的发放津贴秘书处或直接联系他。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/3/2023 | KOSMO | NEGARA | 18 |

# Daftar lembu, kambing elak kena lelong



LEMBU betina seberat 260kg yang dilelong di bangunan MPM kelmarin.

**MANJUNG** – Pemilik lembu atau kambing di daerah ini dinasihat untuk mendaftarkan haiwan ternakan masing-masing dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bagi mengelakkan sebarang masalah sekiranya ia disita pihak berkuasa.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung (MPM), Syamsul Hazeman Md. Salleh berkata, ini kerana haiwan ternakan yang disita pihaknya akan dilelong sekiranya tiada pihak tampil untuk menuntutnya kembali.

"Masalah akan timbul apabila pemilik haiwan itu datang untuk menuntutnya namun gagal mengemukakan sebarang dokumen atau bukti yang menunjukkan lembu atau kambing disita milik mereka.

"Tanpa bukti kukuh, sesiapa sahaja boleh mendakwa lembu disita MPM milik mereka. Jadi lebih baik sekiranya pemilik ternakan mendaftar dengan DVS bagi mendapatkan tanda pengenalan haiwan masing-masing," katanya kepada *Kosmo!*.

Katanya, pihaknya telah melelong seekor lembu betina seberat 260 kilogram (kg) iaitu lelongan kali kedua bagi haiwan ternakan pada tahun ini.

Tindakan dilaksanakan selaras Undang-undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan dan Haiwan Merayau (MPM) 2012.

"Langkah itu bagi menyelesaikan aduan diterima dan mengelakkan kacau ganggu keselamatan khususnya pengguna jalan raya.

"Semua penternak diminta supaya sentiasa memastikan haiwan ternakan tidak berkeliaran di kawasan awam," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/3/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 9 |

# Pelbagai strategi perkasa industri ikan marin, air tawar

**Pelbagai** strategi dirangka bagi memastikan akuakultur ikan marin dan air tawar menjadi antara sektor utama, selari agenda pemerkasaan industri berkenaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin, berkata strategi berkenaan dirangka bagi meningkatkan kadar sara diri (SSR) dan pendapatan penternak.

Katanya, ia merangkumi penyusunan semula kawasan akuakultur dan pemantapan aktiviti ternakan ikan air tawar dengan fokus meningkatkan pengeluaran dijalankan Jabatan Perikanan (DOF).

Beliau berkata, antara spesies utama ikan air tawar ialah patin, talapia dan keli dengan sasaran pengeluaran 150,000 tan pada 2025 serta 214,000 tan pada 2030.

"Pelaksanaan Projek Integrasi Akuakultur (PPIA) memfokuskan usaha membangunkan sistem sangkar bersepadu yang akan menyumbang peningkatan pengeluaran akuakultur.

"Pelaksanaan projek ini juga dapat menambah 2,000 peluang pekerjaan menjelang 2025 dengan sasaran pengeluaran 15,000 tan.

"Selain itu, pemberian bantuan secara *in-kind* (peralatan dan input perikanan), pensijilan amalan baik serta menggalakkan dan memperluas penggunaan teknologi dalam akuakultur," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Salamiah Mohd Nor (PN-Temerloh) mengenai usaha memastikan penternakan ikan air tawar menjadi antara sumber utama pendapatan kepada penduduk tempatan.

Foong Hin berkata, kementerian turut memperkasa Pelan Pembangunan Baka dan Benih Akuakultur bagi mengatasi isu kebergantungan benih dan induk import bagi tujuan demikian.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 16/3/2023 | KOSMO | NEGARA | 5 |

# Kerajaan sasar pengeluaran 150,000 tan metrik ikan air tawar

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan menyasarkan pengeluaran sebanyak 150,000 tan metrik ikan air tawar termasuk patin, tilapia, dan keli pada tahun 2025 disusuli sebanyak 214,000 tan metrik pengeluaran ikan air tawar pada tahun 2030.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata, langkah itu bagi menjadikan sektor akuakultur ikan marin dan air tawar sebagai salah satu sektor utama untuk meningkatkan kadar sara diri.

"Bagi memastikan subsektor akuakultur ikan air tawar menjadi salah satu sumber utama pendapatan rakyat, kementerian melalui Jabatan Perikanan telah merangka strategi.

"Ia termasuk penyusunan semula kawasan akuakultur dan pemantapan aktiviti ternakan ikan air tawar dengan memberi fokus kepada peningkatan pengeluaran akuakultur air tawar," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Salamiah Mohd. Nor **(PN-Temerloh)** tentang usaha untuk memastikan penternakan ikan air tawar menjadi salah satu sumber utama pendapatan kepada rakyat.

Foong Hin berkata, strategi lain adalah melalui Pelaksanaan Projek Integrasi Akuakultur memfokuskan usaha bagi membangunkan sistem sangkar bersepadu yang akan menyumbang kepada peningkatan pengeluaran akuakultur.

Menurutnya, projek itu akan menambah 2,000 peluang pekerjaan menjelang 2025 dengan sasaran pengeluaran 15,000 tan metrik ikan air tawar.

"Pemerkasaan Pelan Pembangunan Baka dan Benih Akuakultur bagi mengatasi isu kebergantungan benih dan induk import," katanya.



**PENGELUARAN ikan air tawar pada skala besar menjadikan sektor itu penting untuk meningkatkan kadar sara diri rakyat.** – GAMBAR HIASAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/3/2023 | MALAYSIA KINI | ONLINE | |

# Kementerian jamin bekalan sayur cukup semasa Ramadan



KOTA TINGGI: Walaupun berlaku pengurangan bekalan ekoran banjir melanda negeri ini, namun Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan sayur-sayuran mencukupi sepanjang bulan Ramadan ini. Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah mengadakan pertemuan dengan pengeluar sayur-sayuran di kawasan utama di negeri ini yang mengakui memang terdapat penurunan pengeluaran sehingga 30 peratus ekoran banjir...

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 16/3/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 14 |

# MAFS beri jaminan bekalan sayur di Johor mencukupi

**Pengerang:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) memberi jaminan bekalan sayur di Johor menjelang Ramadan mencukupi, walaupun beberapa daerah di negeri ini masih dilanda banjir.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sudah mengambil langkah, termasuk membawa masuk bekalan dari negeri lain bagi memastikan permintaan pada bulan puasa ini dapat dipenuhi.

"Insya-Allah kerana FAMA sudah maklumkan kita sudah bawa masuk dari tempat lain bagi memenuhi permintaan pada Ramadan.

"Bekalan ini kita dapat dari negeri luar seperti Pasar Borong Selayang, Negeri Sembilan pun ada, selain import dari Cameron Highlands, terutama tomato dan sayuran berbentuk biji bukan berdaun," katanya pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Bantuan Nelayan Pengerang di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pengerang di sini, semalam.

Mohamad berkata, walaupun pengeluaran sayur menunjukkan penurunan 30 peratus akibat banjir, dalam tempoh pasca banjir pengeluar sudah mula menanam semula sayur.

Beliau berkata, FAMA turut bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi menyediakan Bazar Rakyat Agro Johor di 35 lokasi yang terjejas banjir.

"Daripada pertemuan FAMA dengan pengeluar terutama di Segamat, Batu Pahat dan Kota Tinggi memang ada sedikit penurunan pengeluaran 30 peratus.

"Tetapi, banjir pun dah surut, mereka sudah mula tanam balik. Ditambah pula dengan kerjasama kerajaan negeri yang memberi peruntukan untuk mengadakan Bazar Rakyat Agro Johor di kawasan terjejas banjir selama 30 hari sepanjang Ramadan ini," katanya.

Mengenai anggaran kerugian akibat banjir, beliau berkata, bancian masih dijalankan FAMA dan ia dijangka mengambil masa kira-kira sebulan untuk mendapatkan perincian penuh.

Sementara itu, mengulas mengenai majlis berkenaan, Mohamad berkata, kerajaan memperuntukkan RM29 juta bagi menaik taraf infrastruktur di Kompleks LKIM Pengerang bagi kegunaan nelayan setempat dengan projek itu dijangka siap 2024.

"Dalam siri lawatan ini, kita turut menyampaikan bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) kepada 408 nelayan dengan jumlah keseluruhan RM122,400," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/3/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

# Ramadan: Bekalan sayur cukup

**KOTA TINGGI:** Walaupun berlaku pengurangan bekalan ekoran banjir melanda negeri ini, namun Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan sayur-sayuran mencukupi sepanjang bulan Ramadan ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah mengadakan pertemuan dengan pengeluar sayur-sayuran di kawasan utama di negeri ini yang mengakui memang terdapat penurunan pengeluaran sehingga 30 peratus ekoran banjir yang berlaku.

Walau bagaimanapun, mereka kini sudah mula melakukan penanaman semula ekoran banjir yang telah surut, manakala kerajaan negeri juga mengambil inisiatif membuat jualan hasil pertanian pada harga diskaun melalui Bazar Rakyat Agro Johor.

"Bazar berkenaan akan beroperasi di 35 lokasi terjejas banjir yang melibatkan kerjasama antara FAMA, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan pihak swasta. Dari segi harga pula didapati peningkatan tidak ketara ekoran bekalan sayur-sayuran diperoleh dari negeri lain seperti Selangor dan Negeri Sembilan.

"FAMA juga ada import dari Cameron Highlands, bawa tomato juga produk-produk berbentuk biji bukan sayur berdaun jadi tak perlu risau, di Johor kita juga ada bazar rakyat agro Johor yang akan berada selama 30 hari sepanjang Ramadan.

"Insya-Allah dijamin (cukup) pihak FAMA akan bawa (bazar rakyat agro) ke tempat-tempat lain untuk penuhi permintaan pada bulan Ramadan," katanya selepas menyampaikan Bantuan Nelayan Pengerang di Kompleks LKIM Pengerang, dekat sini semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/3/2023 | THE STAR | NATION | 6 |

# 'Enough greens for Johor despite recent floods'

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

PENGERANG: There will be enough vegetables in Johor during Ramadan despite the recent floods in the state, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) had already brought in supplies from other states to meet local demand.

"Fama has also conducted a post-flood report in Tangkak, Segamat, Batu Pahat and Kota Tinggi, where generally their production has dropped about 30%.

"But as the situation has improved, these farmers have started planting again, and Fama has also brought in supplies from Negri Sembilan and Cameron Highlands in Pahang," he told reporters at the Malaysian Fisheries Development Board (LKIM) Pengerang complex yesterday.

Mohamad was attending a ceremony to hand over licences and aid to local fishermen here.

He also said that the Johor government has introduced the Bazar Rakyat Agro Johor (BRAJ) in 35 locations across the state, which started in February this year.

"The programme is a collaborative effort between Fama, LKIM and the private sector. It offers daily necessities at a discounted price and will also run during the month of Ramadan until June," he added.

Mohamad said his ministry was also working with the National Disaster Management Agency (Nadma), the Health Ministry and the Rural and Regional Development Ministry to assess the damage from the recent floods.

"The assessment is expected to take about a month, and after that, we will look into how we can help based on the allocation that we have," he said.

During yesterday's event, Mohamad said the ministry has allocated RM29mil for a groyne (shore protection structure) project at the LKIM Pengerang complex, which is expected to be completed next year.

"The project will start this year, and it is important to ensure that the jetty is protected from sediment or sand erosion. We hope this will help ease the local fishermen's day-to-day work," he said.

Mohamad also handed over the Sara Hidup Nelayan Allowance (ESHN) payment to 408 fishermen in Pengerang worth RM122,400, 47 boat licences to Category A (shoreline) fishermen and life jackets to 465 fishermen.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/3/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 18 |



PENGELUARAN sayur di Johor alami penurunan sebanyak 30 peratus akibat bencana banjir.

# Bekalan sayur di Johor cukup

## *MAFS jamin permintaan menjelang Ramadan dapat dipenuhi*

**Oleh Izz Laily Hussein**
am@hmetro.com.my

**Pengerang**

Bekalan sayur di Johor mencukupi menjelang Ramadan,' kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu semalam.

Menurut Mohamad, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) memberi jaminan bekalan sayur di Johor mencukupi menjelang Ramadan walaupun beberapa daerah di negeri ini masih dilanda banjir.

Mohamad berkata, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) sudah mengambil langkah membawa masuk bekalan makanan itu luar dari negeri ini bagi memastikan permintaan pada Ramadan dapat dipenuhi.

"Insya-Allah (bekalan sayur mencukupi menjelang Ramadan) kerana Fama sudah maklumkan kita sudah bawa masuk dari tempat-tempat lain bagi memenuhi permintaan pada Ramadan.

"Bekalan ini kita dapat dari Pasar Borong Selayang, dari Negeri Sembilan pun ada, selain import dari Cameron Highlands terutama tomato dan sayur-sayur berbentuk biji bukan berdaun," katanya.

> "Kita sudah bawa masuk dari tempat-tempat lain bagi memenuhi permintaan
> Mohamad

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Bantuan Nelayan Pengerang di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pengerang di sini.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) yang juga Ahli Parlimen Pengerang Datuk Seri Azalina Othman Said.

Menurut Mohamad, walaupun pengeluaran sayur menunjukkan penurunan 30 peratus akibat banjir, namun dalam tempoh pasca banjir, pengeluar sudah mula menanam semula sayur.

Beliau berkata, Fama turut bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi menyediakan Bazar Rakyat Agro Johor di 35 lokasi yang terjejas banjir.

"Hasil pertemuan Fama dengan pengeluar-pengeluar terutamanya di Segamat, Batu Pahat dan Kota Tinggi, memang ada sedikit penurunan pengeluaran sebanyak 30 peratus.

"Tetapi, banjir pun sudah surut, mereka sudah mula tanam balik. Ditambah pula dengan kerjasama kerajaan negeri yang memberi peruntukan untuk mengadakan Bazar Rakyat Agro Johor di kawasan terjejas banjir selama 30 hari sepanjang Ramadan ini," katanya.

Ditanya berkaitan anggaran kerugian yang ditanggung akibat banjir, beliau berkata, bancian masih dijalankan Fama dan ia dijangka mengambil masa kira-kira sebulan untuk mendapatkan perincian penuh.

Berkaitan program berkenaan, Mohamad berkata, kerajaan memperuntukkan RM29 juta bagi menaik taraf infrastruktur di Kompleks LKIM Pengerang bagi kegunaan nelayan setempat dan projek itu dijangka siap tahun depan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 16/3/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |

Penurunan pengeluaran sehingga 30 peratus akibat banjir

# Sayur dijamin cukup bulan Ramadan

**Oleh MASTURAH SURADI**

**KOTA TINGGI** – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan bekalan sayuran mencukupi sepanjang bulan Ramadan meskipun berlaku banjir di beberapa kawasan di negeri ini.

Menteri KPKM, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah pun mengadakan pertemuan dengan pengeluar sayuran di kawasan utama di negeri ini, dimana memang terdapat penurunan pengeluaran sehingga 30 peratus ekoran banjir.

Bagaimanapun katanya, mereka kini sudah mula melakukan penanaman semula ekoran banjir yang telah surut.

"Kerajaan negeri Johor juga mengambil inisiatif membuat jualan hasil pertanian pada harga diskaun melalui program bazar rakyat agro Johor.

"Bazar berkenaan akan ditempatkan di 35 lokasi terjejas banjir yang melibatkan kerjasama FAMA, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan pihak swasta," katanya.




MOHAMAD SABU (tengah) menyempurnakan Majlis Penyerahan Bantuan Nelayan Pengerang di Kompleks LKIM Pengerang, Kota Tinggi semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Penyerahan Bantuan Nelayan Pengerang di Kompleks LKIM Pengerang, di sini semalam.

Mohamad berkata, dari segi pemantauan harga pula didapati peningkatan tidak ketara ekoran bekalan sayuran diperolehi dari negeri luar seperti di Selangor juga Negeri Sembilan.

"FAMA juga ada mengimport dari Cameron Highlands, bawa tomato juga produk-produk berbentuk biji bukan sayur berdaun jadi tak perlu risau, di Johor kita juga ada bazar rakyat agro Johor yang akan berada selama 30 hari sepanjang Ramadan.

"Insya-Allah dijamin (cukup) pihak FAMA akan bawa (bazar rakyat agro) ke tempat-tempat lain untuk penuhi permintaan pada bulan Ramadan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/3/2023 | HARAKAH | KELANTAN KINI | 23 |



**TINJAU.** Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan) Dr Suratan Kamarudin dan Dr Sharifah Mohd Amin melawat kandang ternakan lembu Wagui Kampung Seneng. Hadir sama Adun Jelawat Abdul Azziz Kadir.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/3/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32 |

# Sukar beli benih ikan ancaman penternak sangkar di Sungai Perak

**Oleh AIN SAFRE BIDIN**
utusannews@mediamulia.com.my

**PARIT:** Kenaikan harga pelet ikan selain sukar mendapat bekalan benih menjadi ancaman kepada penternak ikan patin dan tilapia dalam sangkar di Sungai Perak di sini.

Mereka mendakwa kenaikan harga pelet yang melambung menyebabkan peningkatan kos seterusnya turut mempengaruhi harga ikan di pasaran.

Seorang penternak di Tanjung Bidara, Pulau Tiga di sini, Zakaria Mohamed Ji berkata, kerana harga pelet yang meningkat, kos makanan ikan sehari meningkat kepada RM750, mengikut jenama dan kualiti pelet yang diberikan.

Menurutnya, pelet berjenama paling baik berharga RM100 bagi setiap satu beg 60 kilogram manakala jenama lain bagi berat yang sama berharga RM87.



ZAKARIA Mohamed Ji memberi makan ikan di sangkar ternakannya di Tanjung Bidara, Pulau Tiga dekat Parit baru-baru ini. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

Katanya, bagi menjimatkan kos, dia mengehadkan makanan ikan agar tidak berlaku pembaziran.

"Setiap tahun kami berdepan kenaikan harga makanan ikan yang naik. Ini menyebabkan kos kami meningkat dan kami terpaksa menaikkan harga jualan. Ini sudah tentu akan bebankan pelanggan. Saya harap kerajaan mengawal harga makanan ikan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, selain itu, penternak juga mengalami masalah sukar mendapatkan benih ikan sejak kebelakangan ini disebabkan pembekal lebih mengutamakan tempahan yang tinggi daripada penternak di Pahang.

Katanya, permintaan untuk benih ikan dari Pahang begitu tinggi selepas kejadian banjir baru-baru ini dan penternak di sana perlukan banyak benih baharu. "Masalah sukar mendapatkan benih ikan yang kami alami sekarang berlaku apabila penternak dari Pahang datang membeli benih di Perak.

"Sudah tentu pembekal mengutamakan tempahan kuantiti yang besar. Kalau kami buat tempahan pun tak dapat jumlah yang kami mahukan, pembekalkan mengutamakan tempahan untuk negeri Pahang terlebih dahulu untuk mereka pulih semula selepas berlaku banjir di negeri itu baru-baru ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/3/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 7 |

# Ka Siong dakwa terima ugutan isu import telur

**Kuala Lumpur:** Ahli Parlimen Ayer Hitam, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, mendakwa menerima ugutan berhubung kenyataannya di Dewan Rakyat membabitkan isu import bekalan telur.

Beliau mendakwa menerima panggilan daripada individu memperkenalkan diri sebagai 'Deepak' dan mewakili syarikat J&E Advance Tech, pagi kelmarin.

Ka Siong berkata, pemanggil lelaki itu mendakwa sudah berbincang dengan Pejabat Perdana Menteri (PMO) untuk bekas Menteri Pengangkutan itu membetulkan kenyataan dan menyelesaikannya di luar mahkamah.

"Semalam (kelmarin) pukul 9.51 pagi, saya menerima panggilan daripada seseorang bernama Deepak yang mendakwa dirinya mewakili JNE Tex Advance Sdn Bhd dan mengatakan beliau telah berbincang dengan PMO untuk buat satu *statement* (kenyataan) dan kita *settle* (selesaikan) di luar mahkamah.

"Saya kata apa ini? Apa yang berlaku ialah, saya kata, saya tak sebut nama syarikat kamu, saya tak sebut nama kamu.

"Dia kata *you* kena buat satu *statement* untuk membetulkan apa yang dibuat di Parlimen. Saya kata saya tak sebut nama you, nama syarikat, kenapa nak buat macam tu? Saya cuma jadi jurucakap rakyat. Ini masalah bekalan telur.

"Dia kata sudah arahkan peguamnya untuk pergi ke mahkamah dan buat writ saman," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2023 peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Dewan Rakyat, semalam.

## Tindakan tak beretika

R Ramanan (PH-Sungai Buloh) yang bangun dan diberi laluan untuk mencelah, menyifatkan tindakan itu bukan sahaja tidak beretika, malah adalah satu bentuk intimidasi.

"Kalau kita bagi orang gunakan nama PMO atau nama Perdana Menteri macam ini, ia akan meletakkan semua dalam situasi yang membenarkan pihak lain menggunakan nama Speaker (Dewan Rakyat).

"YB Ayer Hitam sebagai ahli Parlimen dan Presiden parti (MCA) takkan tidak tahu betul-betul apa niat Perdana Menteri dan PMO," katanya.

Ka Siong kemudian bersetuju tindakan itu bukan arahan Perdana Menteri.

"Yang Dipertua, saya rasa dalam kes ini kita memandang berat. Apa nama PMO ini? Saya pun tidak faham apa yang berlaku.

"Pada 22 Januari hari pertama Tahun Baharu Cina, Perdana Menteri datang ke rumah terbuka (MCA). Saya bincang secara khusus telur yang diimport dari India. Saya tidak setuju. PM dengar dan saya kata kita kena cari penyelesaian.

"Saya rasa ini bukan arahan daripada PM. Ini orang pakai nama PMO. Ini satu penyakit. Dalam kes ini tidak sepatutnya berlaku," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/3/2023 | THE STAR | NATION | 3 |

# Not a sweet year for 'harumanis'

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

**KANGAR:** Demand for the harumanis mango is perpetually high, but farmers in Perlis are expecting fewer fruits this year.

Farmer and entrepreneur Mohd Nasir Salim, 32, said the unpredictable weather during the flowering season last month caused farmers to expect a smaller harvest this time around.

"This is probably due to the uncertain weather we experienced last month, where occasional rains affected the growth of the fruits," he said.

Mohd Nasir, who has been growing harumanis for about eight years now, said compared to last year's harvest of two tonnes, he only expected a little over a tonne this time.

Apart from the weather, farmers also faced pest attacks, he said. However, he hoped in the remaining two weeks before harvesting starts, the fruits could grow healthily.

On market demand, Mohd Nasir said he had so far received orders for over 2,000 mangoes.

"Although the mango season has not started, I've already received orders from as far as Singapore," he said, adding that he had been mostly marketing his products on social media.

Mohd Nasir hoped to sell about 3,000 harumanis this year.

Perlis Harumanis Entrepreneurs Association chairman Datuk Hashim Suboh said he expected the total output this year to be only 40% of last year's sales of RM70mil.

"Demand is high, which is good, but this year, most farmers and entrepreneurs are expecting a lower yield," he said, adding that this was expected to increase the price of the fruit.

Harvested only once a year, the sweet and aromatic harumanis is a special breed of mango that maintained its green skin even when it is ripe.

It is also the most expensive local mango in the country, with prices reaching RM40 per kg.

The much sought after harumanis mangoes are also exported to Singapore, Japan, China and the United States.

Meanwhile, the highest temperature recorded in Perlis was 35°C on Tuesday, and it is expected to continue until Sunday.

The weather in Perlis can be extremely hot, and can go up to 38°C, even 40°C sometimes.



**Go on green:** Harumanis mangoes are harvested only once a year and still appear green when ripe.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/3/2023 | THE STAR | NATION | 6 |

# Wee: 'Deepak' called over issuing clarification

By TARRENCE TAN, RAHIMY RAHIM and MARTIN CARVALHO
newsdesk@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Dr Wee Ka Siong (BN-Ayer Hitam) has revealed that he received a call from an individual who identified himself as "Deepak" and claimed to represent J&E Advance Tech Sdn Bhd over an issue concerning imported eggs from India.

Dr Wee said he was told by "Deepak" to issue a clarification following alleged discussions with the Prime Minister's Office (PMO).

"He alleged that he discussed with the PMO, claiming that I needed to issue a statement and the matter would be settled outside of court," Dr Wee said during his speech on the Agriculture and Food Security Ministry's allocation in Budget 2023 in Parliament yesterday.

"I said: What is this? I did not mention the name of your company and your name. Why must you do this?

"I was just a spokesperson for the rakyat. This is an issue with the egg supply," Dr Wee said, without elaborating further on the individual.

Recently, Perikatan Nasional information chief Datuk Seri Azmin Ali also claimed that the government awarded the project to import eggs from India to controversial businessman Deepak Jaikishan.

J&E subsequently refuted the claims by Azmin, saying that it was a blatant lie by the Bersatu leader.

"J&E was never awarded any direct negotiations by the government, nor did J&E sell or offer to sell the eggs imported from India to the government or GLCs," said J&E on March 13.

On Feb 28, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu stated that only one company had been given permission to import eggs from India, and that was J&E Advance Tech Sdn Bhd.

Meanwhile, Dr Wee stressed that he has no vested interest in the issue, and he had instructed his lawyers to file a writ of summons in court on Tuesday.

He also noted that Speaker Datuk Johari Abdul had issued a letter to the Ayer Hitam MP, which cited the Federal Constitution and stated that MPs have legal immunity over matters raised in the Dewan Rakyat.

"This undermines the letter by the Speaker and the parliamentary institution. We need to cite this as a contempt of parliamentary proceedings," he said.

Datuk R. Ramanan (PH-Sungai Buloh) interjected and said the call by "Deepak" was a form of intimidation.



**Dr Wee:** 'I think this is not an instruction by the PM. Someone was misusing the PMO's name.'

Ramanan also said it could set a bad precedent if individuals continue to abuse the Prime Minister's or the PMO's name for their vested interests.

"This will land us in a situation where people will be using the Speaker's name in the future," he said.

Dr Wee, who spoke subsequently, noted that Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim had visited MCA's Chinese New Year open house on Jan 22, and he conveyed his concerns regarding the egg shortage issue to Anwar during that visit.

"I think this is not an instruction by the PM. Someone was misusing the PMO's name," Dr Wee said, stressing that he will not be manipulated by any company to issue statements to promote their interests.

"We have a principle that as a spokesperson of the people, we cannot be threatened in any form," he added.

Datuk Seri Shahidan Kassim (PN-Arau), who spoke after Dr Wee, also wanted to know whether the person mentioned by Dr Wee had received approval to import eggs from India.

Datuk Dr Radzi Jidin (PN-Putrajaya) interjected and asked for more information about a picture that went viral on social media of a minister and a businessman going to India.

"My question is, was any of the government allocation used for the visit, and whether it was brought to the Cabinet, or is it a sponsored visit?" he said.

Shahidan then asked whether the question from Radzi was an accusation or merely meant to clarify the situation.

To this, Radzi said it was just a question for the relevant ministry.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/3/2023 | NST | NEWS | 5 |

EXPANSION PLAN

# MINISTRY TO HOLD TALKS ON RAHMAH INITIATIVE WITH BANKS

Engagement will explore ideas like providing loan schemes for B40 group

LUQMAN HAKIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Domestic Trade and Cost of Living Ministry is set to discuss ideas to expand the Rahmah initiative with banking industry players soon.

Its minister, Datuk Seri Salahuddin Ayub, said he had requested for an engagement session with the industry, which could take place next week.

He said he had requested the aid of International Trade and Industry Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz on the matter.

"One of the ideas I've received (from a bank) is the possibility of special loan schemes for the Bottom 40 income group.

"But we'll wait for the engagement session first before announcing anything. I'm sure the banking institutions are keen to find ways to help the people together with the ministry.

"He (Zafrul) has been very supportive in working on my request for meeting the industry (players).

"I'm sure he can help promote this initiative with his huge circle of social media followers," he said after launching the Mydin Klasiknya Raya campaign at Mydin Wholesale Hypermarket here yesterday.

Salahuddin said he discussed with insurance companies on schemes that could help second-hand car owners.

"Same goes for insurance. Maybe some plans can be provided to youths or women.

"For example, Rahmah Insurance can be offered to those who purchase second-hand cars with a high risk of breakdowns.

"The damage may involve the engine or gearbox. So, this insurance plan can help those who can't afford brand new cars.

"With this (plan), second-hand cars owners will also obtain a sort of protection scheme for their vehicles. It is a concept that we had thought about. But as I mentioned, wait for further announcements," he said.

Salahuddin added that the ministry would announce a maximum price scheme soon as Ramadan and Hari Raya approach.

He said the Agriculture and Food Security Ministry had shared information that the country had enough supply of essential goods for the next few months.

"The ministry will work with them (Agriculture and Food Security Ministry) to ensure that the supply chain is efficient and prices of goods are controlled during the festive month."




*Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub (centre) with Mydin Mohamed Holdings Bhd managing director Datuk Dr Ameer Ali Mydin (second from right) posing for a photograph at the launch of the Mydin Klasiknya Raya campaign in Shah Alam yesterday. With them are (from left) MBSB Bank Bhd chief operating officer Jesleigh Johari, the ministry's secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof and director Mohd Zuhairi Mat Radey.* PIC BY AZIAH AZMEE